

The CIMB Enrich MasterCard® Terms & Conditions

THE CIMB ENRICH MASTERCARD CO-BRAND CARD PLAN TERMS & CONDITIONS

1. The CIMB Enrich MasterCard Co-Brand Card Plan (hereinafter called the "Co-Brand Card Plan") established by CIMB BANK BERHAD [Company No.13491-P] (hereinafter called "CIMB") in conjunction with Malaysia Airlines Berhad [Company No: 1116944-X] (hereinafter called "Malaysia Airlines") in relation to the CIMB Enrich MasterCard Co-Brand Card ("the Co-Brand Card") shall be subject to the terms and conditions hereinafter set out.
2. For each retail spending transaction towards the payment of goods and/or services at any merchant, Co-Brand Card cardholders (hereinafter called "Cardholders") will earn CIMB Bonus Miles to be credited into the Cardholder's account with CIMB. The rate at which the CIMB Bonus Miles are earned from the retail spending transaction shall be determined by CIMB and notified to the Cardholder from time to time. Earn rates for CIMB Bonus Miles may vary depending on whether they are local or overseas retail spending transactions. Retail spending transactions shall mean purchase transactions for goods and services including online purchases for goods and services incurred for personal consumption and not for business purposes and shall not include betting or gaming transactions. For the avoidance of doubt the following transactions are also herein expressly excluded and shall not be treated as eligible retail spending transactions for the purposes of earning CIMB Bonus Miles:-
 - (a) Cash advances, cash withdrawals, cash deposits and/or betting or gaming transactions;
 - (b) Retail transactions in respect of purchases of petrol, diesel and any other purchases made at the petrol kiosk;
 - (c) Retail transactions which are disputed by the Cardholders; and
 - (d) Payment of the annual fees or service charges, delivery charges, cash payments, card replacement fee, goods and services tax, dispute charges, fraud charges, interest/finance charges, cash advance fees, processing fees, or any other kind of fees and/or penalties whether imposed by CIMB or otherwise.Any determination by CIMB as to what constitutes retail spending shall be conclusive, save for manifest error. A retail spending transaction shall be considered to be an overseas retail spending transactions if the merchant at which such spending took place has a registered country code that is outside Malaysia.
3. In addition to CIMB Bonus Miles earned on the retail spending transactions, selected participating merchants ("CIMB Enrich Partners") will offer Cardholders a discount on the purchase of goods and/or services which discounts will be converted into CIMB Bonus Miles and credited into the Cardholder's account with CIMB.
4. CIMB Bonus Miles credited into the Cardholder's account with CIMB may be converted into Enrich Miles at the request of the Cardholder under the CIMB Member Rewards Programme subject to its terms and conditions. Such Enrich Miles shall be useable under Malaysia Airlines Enrich program subject to such terms and conditions which may be imposed by Malaysia Airlines. When a Cardholder requests CIMB to convert CIMB Bonus Miles into Enrich Miles, CIMB shall forward a request to Malaysia Airlines to credit the Cardholder's Enrich account with Enrich Miles. The rate of conversion of CIMB Bonus Miles to Enrich Miles shall be at such rate as set out in CIMB's

Member Rewards Catalogue. CIMB reserves the right to vary the rate at any time and from time to time by giving adequate prior notice to the Cardholders. The Cardholders shall be responsible in following up with Malaysia Airlines and for checking their own Enrich accounts with Malaysia Airlines to ensure that the requested conversions of the CIMB Bonus Miles into Enrich Miles have been effected.

5. CIMB Bonus Miles credited into the Cardholder's account with CIMB may be redeemed to offset annual fee charged at the request of the Cardholder under the CIMB Member Rewards Programme subject to its terms and conditions. The rate of conversion of CIMB Bonus Miles to offset annual fee charged shall be at such rate as set out in CIMB's Member Rewards Catalogue. CIMB reserves the right to vary the rate at any time and from time to time by giving adequate prior notice to Cardholders.
6. CIMB Bonus Miles earned and accumulated by the Cardholder shall expire and be forfeited three (3) years (i.e. 36 months) after the end of the statement cycle month in which the CIMB Bonus Miles are earned. For example, if the particular statement cycle month is 27 September 2015, CIMB Bonus Miles earned between 27 August 2015 and 26 September 2015 will expire and be forfeited by 27 September 2018, or upon cancellation of the credit card, whether effected by CIMB or the Cardholder, whichever shall be earlier. All CIMB Bonus Miles must be redeemed prior to their expiry date. CIMB reserves the right to alter the validity period of any CIMB Bonus Miles earned and will give the Cardholder adequate prior notice of any such change. In such an event, the Cardholder will be given a grace period to utilize or redeem the CIMB Bonus Miles. The change will take effect from the date stated in such notice. Any unused CIMB Bonus Miles will be automatically forfeited after the applicable expiry date and CIMB has no obligation to reinstate the expired CIMB Bonus Miles.
7. The number of CIMB Bonus Miles earned or discounts granted for each retail spending transaction shall be determined by the respective CIMB Enrich Partners and may vary between different CIMB Enrich Partners. It may also vary within each CIMB Enrich Partner's different departments/outlets. The CIMB Bonus Miles earned shall be at such rate which CIMB may determine at its sole and absolute discretion from time to time and CIMB reserves the right to vary the rate at any time and from time to time upon giving adequate prior notice to the Cardholders. CIMB shall credit the CIMB Bonus Miles earned by the Cardholder to the Cardholder's account with CIMB at the end of the calendar month following the statement date relating to the Co-Brand Card. CIMB may however vary the date and the frequency of the crediting of the CIMB Bonus Miles at its sole and absolute discretion.
8. CIMB reserves the absolute right and discretion at any time without having to assign any reason to the Cardholder and without liability to the Cardholder to suspend indefinitely, cancel and/or terminate the Co-Brand Card Plan upon giving adequate prior notice. Without limiting the generality of the foregoing provisions CIMB will not be liable for the suspension, cancellation or termination of the Co-Brand Card Plan or any benefits available thereunder in the event Malaysia Airlines or any of CIMB's relevant CIMB Enrich Partners retract or revoke any benefits or offers made under the Co-Brand Card Plan. During special promotions or sales periods, Malaysia Airlines and CIMB's relevant CIMB Enrich Partners reserve the right, upon giving adequate prior notice to the Cardholders, to suspend all or any of the benefits available under the Co-Brand Card.

9. In relation to the redemption of the Enrich Miles or any enquiries or dispute relating to the Cardholder's Enrich account with Malaysia Airlines, the Cardholder shall contact Malaysia Airlines and liaise directly with Malaysia Airlines in this regard.
10. In relation to any enquiries or disputes arising from or relating to the Co-Brand Card, the Cardholder shall contact and liaise directly with CIMB in this regard.
11. If the Cardholder's Co-Brand Card is terminated, the Cardholder will not be entitled to convert its CIMB Bonus Miles then standing in its account with CIMB into Enrich Miles and such CIMB Bonus Miles shall be cancelled. If the Cardholder's Co-Brand Card or account relating thereto is temporarily suspended, CIMB Bonus Miles then standing in its account with CIMB continue to accumulate but cannot be converted into Enrich Miles until the suspension is uplifted.
12. CIMB Bonus Miles earned can only be converted into Enrich Miles and cannot be used for gift redemption or transfer to other generic card accounts. CIMB Bonus Miles have no monetary value and are not transferable nor exchangeable for cash.
13. CIMB Bonus Miles earned by any Co-Brand Card supplementary Cardholder(s) will be transferred to the account of the principal Co-Brand Cardholder.
14. In the event any retail spending transactions are required to be reversed or cancelled on the Co-Brand Card at the request of the Cardholder, the Cardholder hereby authorizes CIMB to forthwith reverse or debit the Cardholder's account in respect of the relevant CIMB Bonus Miles credited arising from such retail spending transaction which is required to be reversed or cancelled; and in the case where the Cardholder had converted such CIMB Bonus Miles under such reversed or cancelled retail spending transaction to Enrich Miles, CIMB shall be authorized to forthwith debit the Cardholder's Co-Brand Card account at the rate of RM0.10 per Enrich Miles for each CIMB Bonus Miles which had been converted or at such other conversion rate which CIMB may determine from time to time by giving adequate prior notice to the Cardholders.
15. In the event any retail spending transactions are required to be reversed or cancelled on the Co-Brand Card by virtue of CIMB's error and/or by virtue of the claim of any third party and or by virtue of any of CIMB's operational or systems errors or malfunctioning and or any other causes which is or are beyond CIMB's control, the Cardholder irrevocably authorizes CIMB, after giving seven (7) days prior notice to the Cardholder, to reverse or debit the Cardholder's account in respect of the relevant CIMB Bonus Miles credited arising from such retail spending transaction which is required to be reversed or cancelled or to debit the Cardholder's Co-Brand Card account at the rate of RM0.10 per Enrich Miles for each CIMB Bonus Miles which had been converted or at such other conversion rate which CIMB may determine from time to time by giving adequate prior notice to the Cardholders. Pending the expiry of the seven (7) days notice period, CIMB reserves the right to withhold or suspend the conversion of the relevant CIMB Bonus Miles which had been credited as a result of any such retail spending transactions which are required to be reversed or cancelled.
16. The Cardholder acknowledges that if Malaysia Airlines Enrich program is cancelled, suspended and/or withdrawn or altered in any manner detrimental to CIMB or the Cardholders, CIMB is not entitled to demand for a refund of the cash equivalent of the unredeemed Enrich Miles standing to the credit in the Cardholders' Enrich account which were converted from CIMB Bonus Miles and the Cardholders

shall bear the loss of such Enrich Miles standing to the credit in the Cardholders' Enrich account. In respect of the CIMB Bonus Miles remaining in the Cardholders' account, CIMB is not liable to reimburse any monies to the Cardholder but CIMB may (but is not obliged) at its sole and absolute discretion grant to the Cardholder bonus points in respect of any other loyalty programme which CIMB has established or identified from time to time.

17. Retail spending transactions carried out on the Co-Brand Card and the CIMB Bonus Miles earned and subsequently converted into Enrich Miles will be reflected in a periodic statement issued by CIMB to the Cardholder. The Cardholder hereby expressly covenants and undertakes with CIMB that it shall be the duty of the Cardholder to report to CIMB in writing of any error, discrepancy or inaccuracy of any kind whatsoever indicated in the periodic statement, particularly in relation to the retail spending transactions relating to the CIMB Bonus Miles earned or converted into Enrich Miles. In the event that the Cardholder does not within fourteen (14) calendar days from the date the Cardholder receives or is deemed to have received the statement notify CIMB in writing of any such error, discrepancy or inaccuracy then the Cardholder shall be deemed to have accepted the entry therein as correct and as final and conclusive evidence of the facts contained therein and the statement shall be considered as binding against the Cardholder and the Cardholder shall thereafter be precluded from making any claims against CIMB by alleging that the said statement contains any error, discrepancy or inaccuracy.
18. The terms and conditions herein shall apply to and be read together with the provisions in the Cardholder Terms & Conditions and the terms and conditions of CIMB's Member Rewards Catalogue. In the event of any discrepancy or inconsistency between the terms and conditions herein and those contained in the Cardholder Terms & Conditions and/or the terms and conditions of CIMB's Member Rewards Catalogue, the terms and conditions governing the Co-Brand Card Plan shall prevail in so far as they apply to the Co-Brand Card Plan.
19. These Terms and Conditions shall prevail over any representations contained in any other promotional or advertising materials published or issued in relation to the Co-Brand Card.
20. The terms and conditions in this document shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and Cardholders agree to submit to the non-exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.
21. CIMB reserves the right upon giving twenty one (21) calendar days prior notice to vary (whether by addition, deletion, modification, amendment or otherwise howsoever) (hereinafter called the "Amendment") any of these terms and conditions herein. Notification to the Cardholder in respect of the Amendment and or any other notification to the Cardholder arising hereunder (hereinafter called the "Notification") shall be effected at CIMB's absolute discretion through any one of the following means of communication, namely, by ordinary mail to the Cardholder's last known address or by posting a notice regarding the Amendment and or the Notification at each of CIMB's branches or by effecting an advertisement regarding the Amendment and or the Notification in one newspaper of CIMB's choice, or via CIMB's website or by email or SMS to the Cardholder and the Amendment and or the Notification shall be deemed as binding on the Cardholder as from the date of notification of the Amendment and or the Notification or from such other date as may be specified by CIMB in the communication with the Cardholder.

**Terma-Terma
dan Syarat-Syarat
CIMB Enrich
MasterCard®**

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PELAN KAD DWI-JENAMA KAD KREDIT MASTERCARD CIMB ENRICH

1. Pelan Kad Dwi-Jenama Kad Kredit MasterCard CIMB Enrich (selepas ini dikenali sebagai “Pelan Kad Dwi-Jenama”) yang ditawarkan oleh CIMB BANK BERHAD [No. Syarikat 13491-P] (selepas ini dikenali sebagai “CIMB”) dengan usaha sama Malaysia Airlines Berhad [No. Syarikat 1116944-X] (selepas ini dikenali sebagai “Malaysia Airlines”) berkenaan dengan Kad Dwi-Jenama Kad Kredit MasterCard CIMB Enrich (“Kad Dwi-Jenama”) akan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini.
2. Bagi setiap transaksi perbelanjaan runcit terhadap pembayaran untuk barangan dan/atau perkhidmatan dengan mana-mana peniaga, Pemegang Kad Dwi-Jenama (selepas ini dikenali sebagai “Pemegang Kad”) akan memperolehi “CIMB Bonus Miles” yang akan dikreditkan ke dalam akaun Pemegang Kad dengan CIMB. Kadar di mana “CIMB Bonus Miles” yang diperolehi daripada transaksi perbelanjaan runcit akan ditentukan oleh CIMB dan dimaklumkan kepada Pemegang Kad dari masa ke semasa. Kadar untuk memperolehi “CIMB Bonus Miles” boleh berubah bergantung samada ia adalah transaksi perbelanjaan runcit tempatan atau luar negara. Transaksi perbelanjaan runcit bermakna transaksi pembelian untuk barangan dan perkhidmatan termasuk pembelian dalam talian untuk barangan dan perkhidmatan bagi kegunaan sendiri dan bukan untuk tujuan perniagaan dan tidak termasuk transaksi pertaruhan atau perjudian. Bagi mengelakkan keraguan, transaksi berikut adalah juga dikecualikan di sini dan tidak boleh dianggap sebagai transaksi perbelanjaan runcit yang layak bagi maksud memperolehi “CIMB Bonus Miles”:-
 - (a) Pendahuluan tunai, pengeluaran tunai, deposit tunai dan/atau transaksi pertaruhan atau perjudian;
 - (b) Transaksi runcit berkenaan dengan pembelian petrol, diesel dan apa-apa pembelian lain yang dibuat di stesyen petrol;
 - (c) Transaksi runcit yang dipertikaikan oleh Pemegang Kad; dan
 - (d) Pembayaran yuran tahunan atau caj perkhidmatan, caj penghantaran, pembayaran tunai, yuran penggantian kad, cukai barangan dan perkhidmatan, caj pertikaian, caj penipuan, faedah/caj kewangan, yuran pendahuluan tunai, yuran pemprosesan, atau apa-apa jenis yuran lain dan/atau penalti yang dikenakan samada oleh CIMB atau sebaliknya.

Apa-apa penentuan oleh CIMB untuk apa yang menjadi perbelanjaan runcit adalah muktamad, kecuali kesilapan yang nyata. Transaksi perbelanjaan runcit hendaklah dianggap sebagai luar negara transaksi perbelanjaan runcit jika saudagar di mana perbelanjaan itu berlaku mempunyai kod negara berdaftar yang berada di luar Malaysia.
3. Di samping “CIMB Bonus Miles” yang diperolehi menerusi transaksi perbelanjaan runcit, peniaga(-peniaga) terpilih yang mengambil bahagian (“CIMB Enrich Partners”) akan menawarkan kepada Pemegang Kad, diskaun ke atas pembelian barangan dan/atau perkhidmatan di mana diskaun akan ditukarkan kepada “CIMB Bonus Miles” dan dikreditkan ke dalam akaun Pemegang Kad dengan CIMB.

4. "CIMB Bonus Miles" yang dikreditkan ke dalam akaun Pemegang Kad dengan CIMB boleh ditukarkan kepada "Enrich Miles" pada permintaan Pemegang Kad di bawah "CIMB Member Rewards Programme" tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalamnya. "Enrich Miles" akan digunakan dibawah program Enrich Malaysia Airlines tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang boleh dilaksanakan oleh Malaysia Airlines. Apabila Pemegang Kad meminta CIMB untuk menukar "CIMB Bonus Miles" kepada "Enrich Miles", CIMB akan mengemukakan permintaan kepada Malaysia Airlines untuk mengkreditkan akaun Enrich Pemegang Kad dengan "Enrich Miles". Kadar pertukaran "CIMB Bonus Miles" kepada "Enrich Miles" adalah pada kadar sebagaimana yang terkandung di dalam Katalog Ganjaran Ahli CIMB. CIMB berhak untuk mengubah kadar pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad adalah bertanggungjawab dalam menyusuli dengan Malaysia Airlines dan membuat semakan akaun Enrich mereka sendiri dengan Malaysia Airlines untuk memastikan pertukaran yang diminta daripada "CIMB Bonus Miles" ke "Enrich Miles" telah dilaksanakan.
5. "CIMB Bonus Miles" yang dikreditkan ke dalam akaun Pemegang Kad dengan CIMB boleh ditebus untuk mengimbangi yuran tahunan yang dicaj pada permintaan Pemegang Kad di bawah "CIMB Member Rewards Programme" tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalamnya. Kadar pertukaran "CIMB Bonus Miles" untuk mengimbangi yuran tahunan yang dicaj adalah pada kadar sebagaimana yang terkandung di dalam Katalog Ganjaran Ahli CIMB. CIMB berhak untuk mengubah kadar pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad.
6. "CIMB Bonus Miles" yang diperolehi dan dikumpul oleh Pemegang Kad akan luput dan dilucuthakkan tiga (3) tahun (iaitu 36 bulan) selepas pengakhiran penyata kitaran bulanan di mana "CIMB Bonus Miles" diperolehi. Sebagai contoh, sekiranya penyata kitaran bulanan tertentu adalah 27 September 2015, "CIMB Bonus Miles" yang diperolehi di antara 27 Ogos 2015 dan 26 September 2015 akan luput dan dilucuthakkan pada 27 September 2018, atau apabila pembatalan kad kredit, samada dikuatkuasakan oleh CIMB atau Pemegang Kad, yang mana lebih awal. Semua "CIMB Bonus Miles" mesti ditebus sebelum tarikh luput. CIMB berhak untuk mengubah tempoh sah "CIMB Bonus Miles" yang diperolehi dan akan memberikan Pemegang Kad notis yang mencukupi sekiranya terdapat apa-apa perubahan. Dalam keadaan sedemikian, Pemegang Kad akan diberikan tempoh untuk menggunakan atau menebus "CIMB Bonus Miles". Perubahan akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis itu. Mana-mana "CIMB Bonus Miles" yang tidak digunakan akan secara automatik dilucuthakkan selepas tarikh luput tempoh berkenaan dan CIMB tidak mempunyai kewajipan untuk mengembalikan "CIMB Bonus Miles" yang telah luput.
7. Jumlah "CIMB Bonus Miles" yang diperolehi atau diskaun yang diberikan untuk setiap transaksi perbelanjaan runcit akan ditentukan oleh "CIMB Enrich Partners" masing-masing dan mungkin berbeza di antara para "CIMB Enrich Partners". Ia mungkin juga berbeza di antara cawangan-cawangan/jabatan-jabatan "CIMB Enrich Partner" tersebut. "CIMB Bonus Miles" yang diperolehi adalah pada kadar yang ditetapkan oleh CIMB di atas budi bicaranya yang tunggal dan mutlak dari masa ke semasa dan CIMB menyimpan hak untuk mengubah kadar tersebut pada bila-bila masa dan dari masa ke

semasa dengan memberikan notis terlebih dahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad. CIMB akan mengkreditkan "CIMB Bonus Miles" yang diperolehi oleh Pemegang Kad ke akaun Pemegang Kad dengan CIMB pada penghujung setiap bulan yang menyusuli tarikh penyata berkenaan Kad Dwi-Jenama. Walaubagaimanapun, CIMB berhak di atas budi bicaranya yang tunggal dan mutlak mengubah tarikh dan kekerapan "CIMB Bonus Miles" yang dikreditkan.

8. CIMB menyimpan haknya atas budi bicaranya yang mutlak pada bila-bila masa tanpa perlu memberi sebarang sebab kepada Pemegang Kad dan tanpa liabiliti kepada Pemegang Kad, menggantungkan untuk tempoh yang tidak ditetapkan, membatalkan dan/atau menamatkan Pelan Kad Dwi-Jenama setelah memberikan notis terdahulu yang mencukupi. Tanpa menghadkan aplikasi peruntukan-peruntukan secara amnya, CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas penggantungan, pembatalan atau penamatan Pelan Kad Dwi-Jenama atau apa-apa faedah hasil daripadanya sekiranya Malaysia Airlines atau mana-mana "CIMB Enrich Partner" yang berkenaan menarik balik atau membatalkan apa-apa faedah atau tawaran yang diberikan di bawah Pelan Kad Dwi-Jenama. Semasa promosi istimewa atau semasa promosi jualan, Malaysia Airlines dan "CIMB Enrich Partners" yang berkenaan menyimpan haknya, dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad, menggantungkan semua atau mana-mana bahagian faedah yang sedia ada dibawah Kad Dwi-Jenama.
9. Penebusan berkenaan "Enrich Miles" atau sekiranya terdapat apa-apa pertanyaan atau pertikaian berkenaan akaun Enrich Pemegang Kad dengan Malaysia Airlines, Pemegang Kad dikehendaki menghubungi Malaysia Airlines atau berurusan secara terus dengan Malaysia Airlines mengenai perkara berkenaan.
10. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau pertikaian berkaitan dengan atau berhubung dengan Kad Dwi-Jenama, Pemegang Kad dikehendaki menghubungi atau berurusan secara terus dengan CIMB mengenai perkara berkenaan.
11. Sekiranya Kad Dwi-Jenama Pemegang Kad ditamatkan, Pemegang Kad tersebut tidak akan layak untuk menukarkan "CIMB Bonus Miles" yang masih dalam akaun dengan CIMB kepada "Enrich Miles" dan "CIMB Bonus Miles" tersebut akan dibatalkan. Sekiranya Kad Dwi-Jenama Pemegang Kad atau akaun berkenaan kad tersebut adalah digantung sementara waktu, "CIMB Bonus Miles" yang masih di dalam akaun dengan CIMB akan terus terkumpul dan tidak boleh ditukarkan kepada Enrich Miles sehingga akaun tersebut tidak lagi digantung.
12. "CIMB Bonus Miles" yang diperolehi hanya boleh ditukarkan kepada "Enrich Miles" dan tidak boleh digunakan untuk penebusan hadiah atau dipindah ke akaun kad am yang lain. "CIMB Bonus Miles" tidak mempunyai nilai wang dan tidak boleh dipindahmilik atau ditukar ganti untuk tunai.
13. "CIMB Bonus Miles" yang diperolehi oleh mana-mana Pemegang Kad Dwi-Jenama tambahan akan dipindahkan kepada akaun Pemegang Kad Dwi-Jenama prinsipal.
14. Sekiranya sebarang transaksi perbelanjaan runcit pada Kad Dwi-Jenama perlu diterbalikkan atau dibatalkan pada permintaan Pemegang Kad, Pemegang Kad di sini memberi kuasa kepada CIMB untuk memberi balik atau mendebitkan akaun Pemegang Kad berkenaan "CIMB Bonus Miles" yang telah dikreditkan yang timbul akibat daripada transaksi perbelanjaan runcit yang perlu

diterbalikkan atau dibatalkan; dan di mana Pemegang Kad telah menebus “CIMB Bonus Miles” di bawah transaksi perbelanjaan runcit yang diterbalikkan atau dibatalkan ke “Enrich Miles”, CIMB diberi kuasa untuk mendebitkan akaun Kad Dwi-Jenama Pemegang Kad dengan kadar RM0.10 untuk setiap “Enrich Miles” bagi setiap “CIMB Bonus Miles” yang ditukarkan atau pada kadar pertukaran yang ditentukan oleh CIMB dari masa ke semasa dengan memberikan notis terlebih dahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad.

15. Sekiranya sebarang transaksi perbelanjaan runcit pada Kad Dwi-Jenama perlu diterbalikkan atau dibatalkan disebabkan kesilapan CIMB dan/atau tuntutan mana-mana pihak ketiga dan/atau mana-mana operasi atau sistem CIMB yang mempunyai kesilapan atau tidak berfungsi dan/atau apa-apa sebab lain di luar kawalan CIMB, Pemegang Kad memberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik kepada CIMB, selepas memberikan tujuh (7) hari notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad, untuk memberi balik atau mendebitkan akaun Pemegang Kad berkenaan dengan “CIMB Bonus Miles” yang dikreditkan yang timbul akibat daripada transaksi perbelanjaan runcit yang perlu diterbalikkan atau dibatalkan atau mendebitkan akaun Kad Dwi-Jenama Pemegang Kad pada kadar RM0.10 setiap “Enrich Miles” untuk setiap “CIMB Bonus Miles” yang ditukarkan atau pada kadar pertukaran lain yang ditentukan oleh CIMB dari masa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu yang mencukupi kepada Pemegang Kad. Sementara menunggu tamat tempoh tujuh (7) hari notis tempoh tersebut, CIMB berhak untuk menahan atau menangguhkan pertukaran “CIMB Bonus Miles” yang telah dikreditkan akibat daripada transaksi perbelanjaan runcit yang diperlukan untuk diterbalikkan atau dibatalkan.
16. Pemegang Kad mengakui bahawa sekiranya program Enrich Malaysia Airlines dibatalkan, digantungkan dan/atau ditamatkan atau diubah dengan apa-apa cara yang merugikan CIMB atau Pemegang Kad, Pemegang Kad adalah tidak layak untuk meminta pengembalian tunai yang sama nilai dengan jumlah “Enrich Miles” yang belum ditebus yang masih di dalam kredit di dalam akaun Enrich Pemegang Kad yang telah dikreditkan dari “CIMB Bonus Miles” dan Pemegang Kad harus bertanggungjawab terhadap kehilangan “Enrich Miles” yang masih di dalam kredit akaun Enrich Pemegang Kad. Berkenaan dengan “CIMB Bonus Miles” yang masih di dalam akaun Pemegang Kad, CIMB tidak bertanggungjawab untuk mengembalikan sebarang wang ringgit kepada Pemegang Kad tetapi CIMB mungkin (tetapi tidak diwajibkan) di atas budi bicaranya yang tunggal dan mutlak, memberi Pemegang Kad mata bonus yang berkaitan dengan program kesetiaan lain yang diwujudkan atau ditentukan oleh CIMB dari masa ke semasa.
17. Transaksi perbelanjaan runcit menerusi Kad Dwi-Jenama dan “CIMB Bonus Miles” yang diperolehi dan seterusnya ditukarkan kepada “Enrich Miles” akan dipaparkan di dalam penyata berkala yang dikeluarkan oleh CIMB kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad dengan ini secara nyata berwaad dan mengakujajani dengan CIMB bahawa ia adalah merupakan kewajipan Pemegang Kad tersebut untuk melaporkan kepada CIMB secara bertulis sekiranya terdapat sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan bagaimanapun yang terpapar pada penyata berkala berkenaan, terutamanya berkenaan dengan transaksi-transaksi perbelanjaan runcit mengenai “CIMB Bonus Miles” yang diperolehi atau ditukarkan kepada Enrich Miles. Sekiranya Pemegang Kad tidak dalam tempoh masa empat belas (14) hari kalendar dari tarikh Pemegang Kad

menerima atau dianggap telah menerima penyata memberitahu CIMB secara bertulis mengenai sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan, maka Pemegang Kad dianggap telah menerima keseluruhan rekod kemasukan yang dinyatakan pada penyata tersebut sebagai benar dan merupakan keterangan muktamad dan konklusif mengenai fakta yang terkandung di dalamnya dan penyata tersebut akan dianggap sebagai mengikat terhadap Pemegang Kad dan Pemegang Kad akan dihalang daripada membuat tuntutan terhadap CIMB dengan mendakwa bahawa penyata tersebut mempunyai sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan.

18. Terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini akan terpakai pada dan ditafsir bersama-sama dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad dan terma-terma dan syarat-syarat Katalog Ganjaran Ahli CIMB. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidaktepatan di antara terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di sini dan yang terkandung di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad dan/atau terma-terma dan syarat-syarat Katalog Ganjaran Ahli CIMB, terma-terma dan syarat-syarat yang diperuntukan untuk Kad Dwi-Jenama ini akan diberi keutamaan setakat aplikasinya kepada Pelan Kad Dwi-Jenama.
19. Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung di sini akan mengatasi apa-apa representasi-representasi lain yang terkandung di dalam sebarang bahan promosi atau pengiklanan yang diterbitkan atau dikeluarkan berkenaan dengan Kad Dwi-Jenama.
20. Terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung disini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut kepada undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia.
21. CIMB menyimpan haknya apabila memberikan dua puluh satu (21) hari kalendar notis terlebih dahulu untuk mengubah (samada dengan menambah, membatalkan, mengubah, meminda atau bagaimanapun sebaliknya) (selepas ini dikenali sebagai "Pindaan") sebarang terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di sini. Notifikasi kepada Pemegang Kad berkenaan Pindaan dan/atau apa-apa notifikasi lain kepada Pemegang Kad di dalam ini (selepas ini dikenali sebagai "Notifikasi") akan dilaksanakan atas budi bicara mutlak CIMB melalui salah satu cara komunikasi, iaitu dengan pos biasa kepada alamat terakhir yang diketahui Pemegang Kad atau dengan mengeposkan notis berkenaan Pindaan dan/atau Notifikasi di setiap satu cawangan CIMB atau dengan pengiklanan berkenaan Pindaan dan/atau Notifikasi dalam satu suratkhbar pilihan CIMB atau melalui laman web CIMB atau secara emel atau sms kepada Pemegang Kad dan Pindaan dan/atau Notifikasi tersebut akan dianggap mengikat atas Pemegang Kad dari tarikh notifikasi Pindaan dan/atau Notifikasi atau pada tarikh lain yang boleh dispesifikasikan oleh CIMB di dalam komunikasi dengan Pemegang Kad.

